

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB ENCIK AHMAD SAIDI BIN MOHAMAD DAUD
PENGURUS JAWATANKUASA SAMBUTAN HARI ALAM
SEKITAR NEGARA 2020 PERINGKAT NEGERI PERAK
DARUL RIDZUAN**

BERSEMPENA

**SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN)
PERINGKAT NEGERI PERAK 2020**

5 JANUARI 2021 (SELASA)

**PUSAT PENGUJIAN ASAP KENDERAAN
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERAK
CAWANGAN GOPENG
PERAK DARUL RIDZUAN**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera,

Tuan Hj Rosli Bin Zul

Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak

Datuk Ir Guntor Tobeng Mansor

Pengarah Urusan

Gading Kencana Sdn Bhd.

Wakil-wakil dari agensi-agensi daripada Jawatankuasa Induk Hari Alam Sekitar Negara 2020 Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan

Rakan-Rakan Strategik Hari Alam Sekitar 2020,

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana di atas izinNya jua kita dapat berkumpul bersama-sama di dalam majlis yang amat bermakna ini. Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih, terutama kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak kerana menjemput saya bagi melancarkan Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Perak, Tahun 2020 ini. Tinggilah harapan saya, agar majlis ini mampu, memberikan impak positif yang besar dan berpanjangan kepada alam sekitar dan generasi akan datang.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Jawatankuasa Pengelola serta Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak kerana telah berjaya menganjurkan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Perak 2020 dengan kerjasama rakan-rakan strategik khususnya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

3. Saban tahun, kita mendengar pelbagai isu alam sekitar hebat diperkatakan. Pelbagai kajian dan penemuan berkaitan kesan pencemaran alam sekitar telah dibentangkan. Bagi menimbulkan kesedaran awam secara lebih berkesan, pelbagai dokumentasi turut dihasilkan. Kini kita mendapati rata-rata masyarakat umum tahu berkaitan kesan buruk pencemaran, tahu akan keperluan memelihara alam sekitar, faham akan pentingnya untuk memastikan kepelbagaian biologi dikekalkan.
4. Bertindak merupakan langkah kita seterusnya. Bertindak ini bermaksud, setiap daripada kita, tidak kira sama ada di peringkat kerajaan, swasta atau pun korporat, pertubuhan bukan kerajaan, ketua-ketua komuniti dan masyarakat umum perlu memainkan peranannya masing-masing, tidak kira di mana sekalipun, agar setiap tindakan yang kita lakukan, mampu memberikan impak yang baik kepada persekitaran kita.

Tuan-tuan dan puan-puan yang prihatin sekalian,

5. Hari ini, kita berkumpul di Pusat Pengujian Asap Kenderaan, Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak Cawangan Gopeng yang merupakan lokasi alternatif berikutan lokasi asal sambutan kita di Kompleks Hijau Solar, Bidor yang dimiliki oleh rakan strategik kita iaitu Gading Kencana Sdn Bhd yang tidak dapat direalisasikan akibat dari pelaksanaan PKPB yang dikuatkuasakan 2 hari sebelum hari perasmian Hari Alam Sekitar Negara 2020 Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan akibat dari peningkatan kes Covid 19.
6. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada rakan-rakan strategik JAS Perak yang bersama-sama menjayakan sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2020 Peringkat Negeri Perak atas penganjuran pelbagai program bagi memeriah sambutan.
7. Oleh yang demikian, bersempena dengan sambutan Hari Alam Sekitar Negara ini, saya menyeru, agar kita semua memperbanyakkan aktiviti pemuliharaan alam sekitar dan gaya hidup yang lestari. Saya turut berharap agar tema sambutan Hari Alam Sekitar Negara tahun ini iaitu, **“Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”** dapat dipupuk dan dibudayakan dalam kehidupan kita sehari-hari. Sebagai ibu bapa, sematlah ke dalam hati anak-anak kita, gaya hidup yang lestari, agar generasi akan datang menjadi generasi yang bertanggungjawab kepada alam sekitar.

8. Tugas melestarikan alam sekitar adalah tugas yang mulia. Ia adalah satu tanggungjawab yang cukup besar. Marilah kita sama-sama berganding bahu dan bergotong royong untuk sama-sama memakmurkan bumi Allah ini dengan sebaiksebaiknya. Setiap anggota masyarakat boleh bertindak sebagai Sukarelawan Alam Sekitar dengan menjadi mata dan telinga kepada kerajaan dalam membantu menyalurkan maklumat dan aduan kepada pihak berkuasa mengenai aktiviti-aktiviti yang merosakkan alam sekitar. Dengan adanya institusi kerajaan yang mantap serta sokongan dari semua lapisan masyarakat dan warga yang prihatin, pastinya pelbagai isu berkaitan alam sekitar dapat ditangani dengan lebih baik dan berkesan hendaknya.

Sidang hadirin yang berbahagia sekalian,

9. Bersempena Hari Alam Sekitar Negara 2020 ini, marilah kita bersama-sama berkongsi aktiviti-aktiviti mesra alam menerusi media sosial dan meletakkan *hashtag* **#HASN2020** bagi mempromosi, berkongsi dan menyokong tema HASN 2020 iaitu “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”.
10. Bersempena dengan Hari Alam Sekitar Negara ini juga, pihak Jabatan Alam Sekitar telah melancarkan kempen pengumpulan sisa elektronik isirumah (e-waste) bermula 1 Oktober 2020 sehingga 13 November 2020 di mana Edsha Solutions Sdn Bhd telah dilantik sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk pengumpulan buangan tersebut.

Sepanjang kempen tersebut, kita telah berjaya mengumpul sebanyak 32.358 metrik tan sisa elektronik isirumah (e-waste). Tahniah kepada JAS Perak dan juga rakan-rakan strategik yang telah sama-sama membantu merealisasikan kempen ini. Saya berharap kempen ini dapat diteruskan lagi di masa akan datang.

Sidang hadirin yang berbahagia sekalian,

11. Pada tahun 2018, Kerajaan telah melancarkan Pelan Hala Tuju Malaysia Ke Arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018 - 2030. Pelan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke 132 dan telah diterima baik oleh semua ahli mesyuarat.
12. Usaha ini tidak memerlukan sebarang kos dan hanya perlu dengan perubahan sikap dan gaya hidup. Sepertimana kesan Covid-19 yang mengajar kita hidup dalam norma baharu, saya ingin mengajak tuan puan sekalian untuk mengubah kebiasaan kita terhadap penggunaan plastik sekali guna.
13. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2020 Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan yang telah berusaha sebaik mungkin untuk memastikan perjalanan Hari Alam Sekitar Negara 2020 berjalan lancar sungguhpun akhirnya ditakdirkan oleh kuasa Allah, majlis sambutan terpaksa kita tangguhkan dan berjumpalah kita pada pagi ini. Semoga Allah

meredhai dan memberkati program kita ini. Sesungguhnya perancangan tuhan adalah sebaik-baik perancangan.

14. **Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya merasmikan sambutan Hari Alam Sekitar Negara, Peringkat Negeri Perak, Tahun 2020.**

15. Sekian, wabilhitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.